



## UCAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

***Malaysian Value Management Summit (MVMS) 2022***

**18 Ogos 2022 (Khamis)**

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Keluarga Malaysia.

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Hj. Mohamad Zulkefly Bin Sulaiman  
Ketua Pengarah Kerja Raya;

Yang Berbahagia Dato' Ir. Abdul Nasir bin Abdul Razak  
Presiden, Institut Pengurusan Nilai Malaysia (IVMM);

Yang Berusaha Sr Dr. Rohanis Binti Ab Ghani  
Pengerusi, Jawatankuasa Program MVMS 2022;

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato',  
Datin-Datin;

Para Pembentang dan Ahli-ahli Jawatankuasa Program;

Wakil-wakil media serta para peserta sekalian.

1. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas jemputan untuk merasmikan Malaysian Value Management Summit (MVMS) 2022, bertemakan "*Innovative Resilience Through Value Strategy*" pada hari ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Institut Pengurusan Nilai Malaysia (IVMM) kerana menganjurkan MVMS 2022 ini. Tanpa usaha dan komitmen yang padu daripada seluruh ahli jawatankuasa program, sudah pasti program ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.
3. Program-program seumpama ini dapat memberi pencerahan kepada kita tentang konsep dan kepentingan amalan pengurusan nilai di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di dalam negara.

Untuk makluman para hadirin,

4. Dalam Kerajaan, Pengurusan Nilai atau *Value Management* (VM) bermula sejak Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang dilancarkan pada tahun 2010. Ia merupakan satu kaedah bagi memastikan projek-projek dilaksanakan adalah value for money.

5. Dasar Kerajaan untuk menggunakan kaedah VM sebagai *management tool* di dalam pelaksanaan program dan projek Kerajaan adalah bertepatan bagi mencapai nilai untuk wang atau “*value for money*”. Penggunaan kaedah ini perlu diterapkan dalam semua perancangan dan pelaksanaan projek Kerajaan bermula dari peringkat awal bagi mendapatkan pulangan yang maksimum.
6. Justeru, Kerajaan telah menetapkan pelaksanaan VM untuk projek pembangunan yang bernilai RM50 juta ke atas bagi memastikan ianya memenuhi objektif dan fungsi yang disasarkan serta mencapai nilai untuk wang. VM adalah pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif yang mengkaji keperluan fungsi sesuatu reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, fasiliti dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi program dan projek.
7. Satu bahagian khas iaitu Bahagian Pengurusan Nilai (BPN) telah ditubuhkan di EPU pada tahun 2009 dan seramai 31 Pegawai Pengurusan dan Profesional daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terdiri daripada Jurutera Awam, Jurutera Mekanikal, Jurutera Elektrik, Arkitek dan Juruukur Bahan ditempatkan di Bahagian ini.

Hadirin Sekalian,

8. Secara ringkasnya, VM dilaksanakan pada pelbagai peringkat di dalam kitaran hayat projek. Bermula daripada peringkat awal perancangan sehingga projek tersebut selesai. VM merangkumi 3 fasa pelaksanaan iaitu:

9. **Pada Fasa Pertama, Kajian Nilai (*Value Assessment* - VA)** dilaksanakan oleh EPU bertujuan mendapatkan nilai untuk wang dengan mengoptimumkan sumber dengan objektif **memuktamadkan skop dan mendapatkan anggaran kos** yang lebih tepat berdasarkan kepada kadar harga terkini. Pelaksanaan VA penting dalam memastikan ketelusan pihak Kerajaan bagi melaksanakan sesuatu projek bagi mendapatkan nilai untuk wang dengan mengeluarkan skop-skop yang tidak perlu;
10. **Pada Fasa Kedua, Kejuruteraan Nilai (*Value Engineering* - VE)** dilaksanakan oleh Jabatan Teknikal iaitu JKR dan JPS bagi memastikan *fit for purpose* agar projek memenuhi fungsi dan mengoptimumkan reka bentuk sebelum perolehan dibuat; dan
11. **Pada Fasa Ketiga, Semakan Nilai (*Value Review* - VR)** dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara bagi penambahbaikan berterusan dengan mempelajari kebaikan dan kelemahan projek yang telah dilaksanakan.
12. Bagi tempoh RMK-10 dan RMK-11, sejumlah 719 projek dengan nilai RM165 bilion telah melalui proses VM. Proses VM telah berjaya menjimatkan wang rakyat sebanyak RM17.7 bilion atau kira-kira 10 peratus daripada kos projek yang berkaitan.
13. Bagi memperkasakan pelaksanaan VM ini, Kerajaan telah memperkenalkan "*Value at Entry*" (VAE) sebagai satu lagi proses sebelum sesuatu permohonan projek dikemukakan kepada pihak EPU. Ini bagi memastikan projek yang diluluskan adalah berdaya maju

dan betul-betul memberi pulangan dan manfaat yang terbaik kepada rakyat. Ini adalah selari dengan konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.

Hadirin Sekalian,

14. VM dilaksanakan untuk menghasilkan keputusan yang efektif dengan:
  - i. Meningkatkan tahap ketepatan andaian yang diguna pakai semasa perancangan;
  - ii. Mengenal pasti keperluan sebenar bagi mencapai fungsi yang ditetapkan;
  - iii. Menggalak dan menjana idea kreatif;
  - iv. Mengoptimumkan penggunaan sumber;
  
15. Selain itu, pelaksanaan VM juga memberi manfaat seperti:
  - i. Menghasilkan projek yang memenuhi keperluan pemegang taruh dan diterima rakyat;
  - ii. Membolehkan perancangan perbelanjaan peruntukan pembangunan yang efisien;
  - iii. Memastikan fungsi dan kualiti projek tercapai; dan
  - iv. Meningkatkan tahap ketelusan, pemilikan dan kefahaman pemain industri dalam pelaksanaan sesebuah projek.

Hadirin sekalian,

16. Bagi mengembangkan lagi konsep, kefahaman dan kepentingan amalan pengurusan nilai ini sama ada di dalam projek kerajaan atau

swasta, saya mengalu-alukan peranan yang dimainkan oleh Institut Pengurusan Nilai Malaysia (IVMM). Saya juga berharap lebih banyak syarikat swasta yang dapat melaksanakan amalan pengurusan nilai di dalam pelaksanaan projek mereka.

17. Pengurusan Nilai adalah *management tool* yang penting bagi memastikan peruntukan perbelanjaan pembangunan (DE) negara diurus dengan baik serta mencapai nilai untuk wang. Saya berharap persidangan seperti pagi ini akan menjadi medium untuk para pengamal pengurusan nilai mengembangkan lagi konsep pengurusan nilai disamping mengenal pasti inisiatif-inisiatif baharu bagi pelaksanaan projek agar ianya menepati objektif dan 'outcome' disasarkan. Ini seterusnya akan memberi pulangan nilai untuk wang kepada Kerajaan dan Keluarga Malaysia.

18. Dengan lafaz Bismillahi Rahmani Rahim, saya merasmikan *Malaysia Value Management Summit (MVMS) 2022*.

Sekian, terima kasih.